

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)67**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

67. Banyak projek perumahan di Permatang Berangan sedang dan bakal dilaksanakan.
- (a) Apakah pihak Kerajaan Negeri telah bersedia dengan perancangan yang teliti dan menyeluruh bagi mendepani pertambahan penduduk dan kenderaan apabila projek-projek ini siap?
  - (b) Berapakah bilangan sekolah, klinik, balai polis dan kemudahan sistem jalan raya yang dirancang bagi menampung keperluan pertambahan ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

67. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku (RMKu) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Melalui Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sasaran penyediaan unit RMMu pelbagai kategori menjelang tahun 2030 adalah sebanyak 220,000 unit.

Pembangunan RMKu dalam pelbagai kategori di DUN Permatang Berangan juga sedang rancak dilaksanakan merangkumi projek yang telah pun siap dibina, dalam pelaksanaan pembinaan dan juga masih di peringkat perancangan.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Seberang Perai - MBSP) sentiasa komited dalam merancang pembangunan secara teliti dan menyeluruh bagi mendepani pertumbuhan penduduk serta kenderaan, khususnya di kawasan DUN Permatang Berangan. Perancangan ini meliputi penambahbaikan infrastruktur asas, pengukuhan sistem pengangkutan awam, serta pelaksanaan kajian impak lalu lintas (TIA). Setiap pemaju bagi pembangunan perumahan di DUN Permatang Berangan diwajibkan mengemukakan Laporan TIA yang dinilai oleh jawatankuasa teknikal. Hasil penilaian ini akan menentukan keperluan naik taraf jalan, simpang baharu, lampu isyarat dan akses masuk keluar, yang perlu dilaksanakan oleh pemaju dan perlu disiapkan naik taraf persimpangan sebelum Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan bagi mengelakkan kesesakan trafik.

MBSB juga mengambil pendekatan holistik melalui kerjasama pelbagai jabatan / agensi teknikal bagi memastikan pembangunan yang mampan dan seimbang dapat dicapai. Pemantauan berterusan turut dilaksanakan bagi menilai keberkesanan perancangan sedia ada, di samping memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara sejajar dengan keperluan masa hadapan.

- (b) Maklumat berkaitan sekolah, klinik, balai polis dan kemudahan sistem jalan raya sedia ada dan yang sedang dalam perancangan adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah

Pada masa kini, terdapat tujuh (7) buah sekolah dalam radius tiga (3) kilometer dari kawasan Permatang Berangan iaitu dua (2) buah sekolah menengah (SM) dan lima (5) sekolah rendah (SK). Satu (1) daripada lima (5) buah SK tersebut merupakan sekolah baharu yang mula beroperasi pada tahun 2022 iaitu SK Pokok

Tampang. Manakala dua (2) buah SK lagi telah diluluskan projek bangunan tambahan dalam Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) iaitu SK Kampung To' Bedor (tambahan 16 bilik darjah) dan SK Kampung Selamat (tambahan 17 bilik darjah).

Keperluan sekolah baharu yang bakal dibina adalah bergantung kepada kepadatan sekolah sedia ada serta ketersediaan tapak cadangan di suatu kawasan pemajuan perumahan.

(ii) Klinik

Fasiliti Kesihatan Kerajaan yang sedia ada di kawasan DUN Permatang Berangan adalah Klinik Kesihatan Tasek Gelugor, Klinik Desa Pokok Sena dan Klinik Desa Padang Menora. Tiada perancangan pembangunan klinik baharu di kawasan DUN Permatang Berangan pada ketika ini.

(iii) Balai Polis

Kawasan DUN Permatang Berangan berada dalam kawasan pentadbiran Balai Polis Tasek Gelugor. Hanya balai polis ini yang akan bertanggungjawab terhadap keseluruhan kawasan Tasek Gelugor termasuk kawasan DUN Permatang Berangan.

(iv) Kemudahan sistem jalan raya

Cadangan penambahbaikan sistem jalan raya yang telah dikenal pasti dalam perancangan pembangunan di kawasan Permatang Berangan adalah seperti berikut:

Pelebaran Jalan Ara Kuda kepada empat (4) lorong dari Jalan Jarak hingga hadapan Institut Kemahiran MARA (IKM). Cadangan ini telah disyaratkan dalam Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) Tetuan Qualified Management Sdn. Bhd. (QMSB) dan pemaju tersebut perlu menyiapkannya sebelum CCC dikeluarkan;

- 1) Pelebaran Jalan Ara Kuda kepada empat (4) Lorong dari Jalan Lunas hingga Jambatan Sungai Kulim. Cadangan ini telah disyaratkan dalam PKM Tetuan Kuntum Bina Sdn. Bhd. (KBSB) dan pemaju perlu menyiapkannya sebelum CCC dikeluarkan;
- 2) Pelebaran Jalan Jarak kepada empat (4) lorong dari Jalan Ara Kuda hingga hadapan pembangunan. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM Tetuan QMSB dan KBSB dan kedua-dua pemaju perlu menyiapkan kerja-kerja pelebaran jalan tersebut sebelum CCC dikeluarkan;
- 3) Menaik taraf persimpangan Jalan Lunas dengan Jalan Ara Kuda. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM KBSB dan pemaju perlu menyiapkannya sebelum CCC dikeluarkan; dan
- 4) Pelebaran Jalan Lunas kepada empat (4) lorong dari Jalan Ara Kuda hingga hadapan Taman Desa Ara. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM

Tetuan Pastech Engineering Sdn. Bhd. dan pemaju  
perlu menyiapkannya sebelum CCC dikeluarkan.